

PEMERKASAAN MASJID MELALUI SISTEM HISBAH

* Mohd Miqdad Aswad Ahmad, Zanirah Mustafa@Busu, Badriah Nordin

Akademi Pengajian Islam Islam (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan
18500 Machang, Kelantan

*Email penulis: zanir126@kelantan.uitm.edu.my

Abstrak

Dalam Islam terdapat suatu kewajipan yang diamanahkan kepada manusia. Kewajipan tersebut di kenali sebagai hisbah yang bermakna menyeru kepada kebaikan (*amar ma'ruf wa nahu munkar*) dan menegah kemungkaran serta memperbetulkan masyarakat (*islah bayn al-nas*) atau memperbaiki kepincangan masyarakat. Di dalam hisbah meliputi dua tanggungjawab iaitu tanggungjawab melaksanakan *ma'ruf* dan keduanya tanggungjawab untuk menghalang kemungkaran. Kedua-dua tanggungjawab tersebut dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu tanggungjawab berhubung dengan hak Allah SWT, tanggungjawab berhubung dengan hak manusia dan tanggungjawab berhubung dengan hak Allah SWT dan manusia. Ini bertujuan mencegah perkara-perkara kemungkaran, unsur-unsur penipuan, pencerobohan, kelalaian, kekejaman dan sebagainya. Justeru itu, agama Islam telah meletakkan dasar-dasar yang mesti difahami oleh setiap individu dalam hal-hal yang berkaitan ibadah dan muamalah. Perkara-perkara tersebut mestilah dilihat secara terperinci berpandukan pada asas-asas yang telah diletakkan oleh ulama-ulama yang terdahulu dan ditransformasikan dengan sesuatu penemuan baharu yang berlandaskan lunas-lunas syarak. Terdapat pelbagai kaedah hisbah yang boleh diketengahkan dengan cara yang berhikmah dan yang di anjurkan dalam Islam antaranya nasihat, tazkirah, *irshad*, *qudwah*, *qiyadah*, *tawsiyyah* dan *islah*. Konsep hisbah sangat relevan diaplikasikan untuk kesejahteraan, menyatupadukan ummah, keadilan dan memperkukuhkan kefahaman tentang Islam di kalangan masyarakat pada masa kini. Maka kajian ini menyatakan bahawa konsep hisbah masih relevan di aplikasikan pada masa kini khususnya dalam memperkasakan peranan masjid sebagaimana yang telah dilaksanakan di zaman kegemilangan Islam. Penstrukturan organisasi masjid perlu dinilai semula bagi memastikan ianya mampu untuk menjalankan tanggungjawab sebagai salah satu institusi hisbah di Malaysia.

Kata Kunci: hisbah; masjid; tanggungjawab; ibadah; muamalah

1.0 PENGENALAN

Hisbah merupakan suatu amalan yang telah lahir semenjak zaman Rasulullah saw seiring dengan penubuhan Negara Islam pertama dalam sejarah dunia iaitu Madinah. Hisbah bermaksud suruhan amr makruf dan mencegah munkar. Arahan kepada kebaikan ini perlu dilaksanakan apabila perbuatan baik dikalangan masyarakat sudah mula diabaikan, manakala mencegah kepada kemungkaran perlu dijalankan apabila perbuatan-perbuatan jahat dilakukan secara terang-terangan.

Antara dalil yang menerangkan konsep hisbah ini ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

“ Dan hendaklah ada diantara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara baik, serta

melarang daripada melakukan sebarang kejahatan (keji dan mungkar). Dan demikianlah orang-orang yang berjaya”

(Surah Ali-Imran 2 : 104)

Institusi hisbah mula dipraktikkan bagi memastikan perlaksanaan hisbah berjalan dengan lancar dan teratur. Institusi hisbah ini adalah institusi keagamaan yang dibentuk untuk bertanggungjawab dan sekaligus mengawasi suruhan kepada kebaikan dan menjauhi kemungkaran terus dipraktikkan dalam masyarakat. Penguatkuasaan amar makruf dan nahi mungkar ini meliputi semua kegiatan manusia termasuk dalam politik, ekonomi dan sosial dan ianya demi menjamin kemaslahatan masyarakat sekaligus menolak segala kerosakan.

2.0 LATAR BELAKANG SEJARAH INSTITUSI HISBAH.

Al-amil ala al-suq atau penyelia pasar adalah gelaran yang diberikan oleh Rasulullah saw kepada pihak yang menjalankan penguatkuasaan hisbah. Mereka bertanggungjawab menyelia dan seterusnya mengawasi perjalanan perniagaan, menentukan sukatan dan timbangan dalam urusaniaga. Sa'id bin Sa'id bin al-'As adalah salah seorang penyelia pasar yang dilantik oleh Rasulullah saw di Kota Mekah, manakala di Madinah pula antara yang pernah bertugas sebagai penyelia pasar adalah Saidina Umar al-Khattab (Syed Ismail, 2013).

Selepas kewafatan Rasulullah saw, institusi hisbah ini diteruskan oleh Khulafa al-Rasyidin. Tugas hisbah ini dijalankan sendiri oleh para khalifah dan di samping itu melantik beberapa orang pembantu untuk melancarkan proses hisbah. Walaubagaimanapun, pengasingan institusi ini daripada institusi-institusi lain dalam kerajaan Islam berlaku pada zaman pemerintahan Abbasiyah sekitar tahun 157 Hijrah (Mamat, 2010). Pengasingan ini telah membuka ruang kepada para penguasa hisbah untuk mentadbir institusi tersebut secara lebih berkesan dengan bantuan pembantu-pembantu yang dikenali sebagai 'arif' dan 'amin'.

Penguasa hisbah atau *al-muhtasib* mestilah mempunyai kelayakan tertentu bagi memastikan tugas yang diberikan mampu dijalankan dengan sebaik mungkin. Antara kriteria yang perlu ada termasuklah ikhlas, adil, berpengetahuan, bijaksana dan penyabar. *Al-muhtasib* bertanggungjawab menyelia fungsi-fungsi boleh dikategori sebagaimana berikut (Abdullah, 2010):

- i) Hak-hak Allah, seperti ketepatan waktu solat, organisasi Jumaah dan Eid dan penyelenggaraan masjid;
- ii) Hak-hak manusia seperti berurusan hal ehwal masyarakat;
- iii) Perbendaharaan Bandar seperti menjaga jalan-jalan bersih dan terang pada waktu malam, dan mencegah pembinaan yang boleh merosakkan kepentingan masyarakat.

3.0 PERANAN INSTITUSI HISBAH

Umumnya institusi hisbah berfungsi untuk memastikan maslahat terus dicapai dan kerosakan terus dihapuskan dalam kehidupan seharian manusia. Mohd Parid Sheikh Ahmad dan Mohd Azmi Omar menyatakan bahawa Imam al-Mawardi mengemukakan beberapa contoh dalam mengulas hal berkaitan hak-hak dalam institusi hisbah, iaitu (Mamat, 2010):

- i) Hal-hal berkaitan hak Allah SWT: memastikan soal makruf dalam hak-hak Allah dalam semua jenis ibadah seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan ibadah-ibadah lain dilaksanakan oleh orang-orang Islam dibawah jagaannya.

Manakala mencegah mungkar dalam hak-hak Allah dari sudut ibadah ialah mencegah orang yang tidak berpuasa dengan sengaja dan orang yang tidak sembahyang. dari sudut muamalah, muhtasib berhak mencegah perbuatan zina, riba dan penipuan dalam perniagaan. Selain itu,

pengecahan mungkar terhadap hak Allah termasuklah larangan mempamerkan arak dan alat hiburan yang diharamkan

- ii) Hal-hal berkaitan hak manusia: Amr makruf dalam hak-hak manusia meliputi hak umum dan hak khusus. Hak umum ini ialah meliputi perkara yang berkaitan dengan hak awam seperti masalah bekalan air. Manakala hak khusus pula membabitkan masalah individu seperti masalah gagal membayar hutang tepat pada masanya.

Dalam masa yang sama, perkara mungkar yang berhubung dengan hak manusia meliputi semua urusan yang berlaku sesama manusia. Perkara yang boleh menimbulkan kesulitan dan memudaratkan manusia ketika berurusan mestilah dilarang dan ditangani oleh muhtasib. Contohnya perbuatan menyakiti jiran dan tidak amanah dalam urusan yang diberikan;

- iii) Hal-hal berkaitan hak bersama: kemaslahatan yang berkaitan hak bersama ini adalah seperti menyuruh para wali mengahwinkan anak perempuannya dengan lelaki yang sekufu, memastikan perempuan yang beriddah mematuhi syarat-syarat iddah.

Kemungkaran dalam bidang ini termasuklah meenegah imam memanjangkan solat sehingga menyusahkan makmum yang uzur dan berkepentingan. Selain itu melarang pemilik haiwan membebani haiwannya secara berlebihan.

4.0 KAEDAH-KAEDAH HISBAH

Hisbah dari segi bahasa bermaksud ihtisab iaitu meneliti, mentadbir, melihat, mencegah atau menahan. Manakala dari segi istilah, hisbah ialah melaksanakan tugas keagamaan iaitu menyeru melakukan ma'aruf (kebaikan) yang jelas jika ternyata ditinggalkan dan mencegah melakukan kemungkaran yang jelas jika ternyata dilakukan (Al-Mawardi, 1990).

Masjid juga boleh dijadikan sebagai salah satu institusi yang mempunyai peranan untuk menegakkan kebenaran, menghapuskan kemungkaran atau perkara-perkara yang jelas bertentangan dengan akidah dan pegangan ahli sunnah waljamaah. Pihak masjid yang dilantik mestilah dikalangan mereka yang benar-benar layak dan terlatih berasaskan kepada kepakaran dan pengetahuannya. Untuk melaksanakan tanggungjawab ini, pihak yang ditugaskan tidak boleh bertindak secara terburu-buru tanpa membuat usul periksa dan juga tidak menghukum dengan tergesa-gesa kerana ia hanya boleh bertindak dan menghukum jika mendapati kesalahan yang jelas dan tiada kesamaran. Selain itu, niat dalam segala tindakan hendaklah kerana Allah semata-mata juga tidak boleh berniat untuk mengaibkan, menjatuhkan maruah dan mempersendakan orang. Ini cukup penting agar seruan Allah mudah diterima dan mendapat kerjasama daripada masyarakat.

4.1 Kaedah hikmah dan tawsiyyah

Menurut al-Jarjani menjelaskan al-hikmah boleh diringkaskan sebagai kekuatan intelektual. Sementara di dalam kamus dewan, perkataan hikmah diertikan dengan kebijaksanaan dan kepandaian. Kebijaksanaan dalam berhujah serta memberi penjelasan yang pasti, tepat dan benar, berdasarkan bukti bagi menerangkan kebenaran dan kebatilan yang didapati dalam al-Quran dan sunnah.

Manakala perkataan al-maw'izah al-hasanah bermakna nasihat atau pengajaran yang menarik dan dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupan manusia supaya dijadikan iktibar. Al-maw'izah al-hasanah atau nasihat dan pengajaran yang baik merupakan kaedah yang mudah diterima oleh hati dan jiwa yang disampaikan pendekatan secara berhikmah. Begitu juga dengan konsep tawsiyyah iaitu pendekatan melalui nasihat, saranan, cadangan yang bersesuaian dengan acuan Islam. Pihak yang

bertanggungjawab boleh memberi nasihat dan bimbingan secara tertutup dan berperingkat mengikut pada situasi dan permasalahan yang berlaku.

4.2 Kaedah al-targhib (galakan) dan al-tarhib (ancaman)

Al-targhib dan al-tarhib diertikan sebagai setiap perkara yang mengemarkan seseorang menunaikan permintaan atau suruhan, menerima kebenaran dan tetap atas kebenaran. Al-tarhib ialah setiap perkara yang boleh menakutkan dan amaran kepada seseorang kerana tidak menunaikan permintaan atau suruhan dan menolak kebenaran (Zaydan, 1987). Tujuan al-targhib ialah untuk mencapai keredhaan Allah, mendapat rahmatnya serta balasan yang baik di dunia dan diakhirat. Manakala al-tarhib ialah takutkan kemurkaan Allah dan azabnya di dunia dan di akhirat.

4.3 Kaedah ad-din yusr

Konsep al-din yusr atau agama Islam itu mudah dalam syariat Islam berdasarkan beberapa nas al-Quran dan sunnah. Konsep rukhsah (keringanan) dalam syariat Islam memberikan jalan alternatif kepada orang mukmin yang tertentu berdasarkan keuzuran dan kekurangannya yang wajar dipertimbangkan. Konsep ini menjadi dasar yang utama dalam kaedah fikah Islam dan dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dalam kehidupan baginda dan menunjuk ajar kepada para sahabat.

4.4 Kaedah *Islah*

Kaedah *Islah* ialah satu bentuk usaha untuk memperbaiki hubungan antara mereka yang bersengketa atau menuju kedamaian. Kaedah ini cenderung kepada mewujudkan suasana yang diliputi dengan keamanan, ketertiban dan kerukunan dalam pelbagai perkara. Antara kelebihan kaedah ini ialah boleh mengembalikan kerukunan antara dua pihak yang bersengketa, menjauhkan rasa permusuhan dan dendam sesama mereka, menyalurkan idea dan solusi yang positif dan mengajak untuk lebih mendekati diri kepada Allah untuk mendapatkan rahmat dan keampunan dari Allah SWT.

4.5 Kaedah Qudwah dan Irshad

Pendekatan suri tauladan yang baik kepada masyarakat, kewujudan qudwah yang baik dalam kehidupan umat, bangsa dan dakwah adalah penting untuk menjadi panduan positif dalam kehidupan. Justeru itu, Allah SWT telah menjadikan Nabi saw sebagai qudwah dan contoh yang telah mempraktikkan agama yang diutuskan kepadanya sehingga manusia dapat menjalani kehidupan bersama agama dan Rasulullah secara realiti dan hakiki yang jauh daripada hanya idea semata-mata. Irshad menurut Imam Al-Ghazali ialah membimbing, mengajar dan menunjukkan cara kearah kebaikan berpandukan syariat Islam. Qiyadah bermaksud menyelia atau mengawasi. Ia melaksanakan tugas yang dikhususkan kepadanya dan menyelia serta mengawasi orang lain yang di bawahnya. Ia melibatkan kepimpinan iaitu keupayaan seseorang mentadbir atau mengurus setiap peringkat pengurusan untuk mendorong, mempengaruhi, membawa dan menggunakan setiap sumber organisasi supaya saling berperanan atau masing-masing berfungsi untuk mencapai objektif yang telah ditentukan dan menyelesaikan sebarang masalah dengan cara yang adil dan bijaksana.

Allah SWT telah berfirman (bermaksud):

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).” (Surah Al-Ahzab: 21)

4.6 Kaedah halaqah dan tazkirah

Kaedah ini dilaksanakan dalam keadaan kedudukan separa bulatan yang lebih selesa untuk mendengar syarahan dan ilmu yang disampaikan oleh pembimbing. Kaedah ini sering dilakukan oleh ulama-ulama yang terdahulu dan masih sesuai dilaksanakan sehingga sekarang supaya hubungan antara pembimbing dan jemaah lebih dekat dan penyampaian lebih berkesan. Tazkirah atau pengisian ilmu secara ringkas wajar di berikan secara berterusan kepada masyarakat.

4.7 Kaedah Qiyadah

Qiyadah bermaksud menyelia atau mengawasi. Ia melaksanakan tugas yang dikhususkan kepadanya dan menyelia serta mengawasi orang lain yang di bawahnya. Ia melibatkan kepimpinan iaitu keupayaan seseorang mentadbir atau mengurus setiap peringkat pengurusan untuk mendorong, mempengaruhi, membawa dan menggunakan setiap sumber organisasi supaya saling berperanan atau masing-masing berfungsi untuk mencapai objektif yang telah ditentukan dan menyelesaikan sebarang masalah dengan cara yang adil dan bijaksana.

Kaedah-kaedah yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW wajar dijadikan panduan kepada para pendakwah dan kaunselor dalam menjalankan tugas masing-masing. Ianya sesuai dengan naluri semula jadi manusia dan amat praktikal untuk dilaksanakan.

5.0 MASJID SEBAGAI INSTITUSI HISBAH

Masyarakat Islam pada masa kini telah memberikan tanggapan yang sempit terhadap fungsi masjid yang sebenarnya. Mereka beranggapan bahawa masjid hanya menjadi tempat ibadah khusus semata-mata seperti solat Jemaah, solat Jumaat, solat tarawih, wirid, zikir, doa, dan sebagai tempat merayakan hari kebesaran Islam serta aktiviti nikah kahwin yang memenuhi ruang masjid dengan pasangan dan sanak saudara. Masyarakat Islam seharusnya sedar bahawa peranan masjid sebagai risalah yang amat penting sebagai pusat perkembangan dan kemajuan Islam. Bangunan masjid pula dianggap sebagai rumah ibadat atau *Worship House*. Bangunan masjid bukan sahaja boleh dianggap sebagai rumah ibadat yang terbatas dengan ibadah khusus, bangunan masjid seharusnya mengambil tempat dalam masyarakat supaya peranan masjid lebih besar dan berpengaruh bagi membolehkan mempengaruhi masyarakat.

Masjid adalah sebuah institusi ibadah yang seharusnya berkembang sejajar dengan arus perdana dan perkembangan zaman serta memainkan peranan di dalam kehidupan masyarakat Islam sebagai sebuah institusi membina kemajuan ummah. Mengimarahkan masjid pula adalah tugas dan tanggungjawab yang berkait rapat dengan konsep kejadian manusia untuk melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.

Allah S.W.T berfirman:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ
فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan tidak melainkan Allah. Maka adalah diharapkan mereka menjadi daripada golongan yang mendapat petunjuk. (Taubah: 18)

Membina dan memakmurkan (menghidupkan) masjid adalah di antara cara menghampiri diri kepada Allah yang lebih afdal (baik) dengan syarat usaha-usaha pemakmuran berdasarkan hati yang suci iaitu ikhlas kerana Allah tanpa melibatkan riak dan bermegah-megah dengan kebaikan yang dilakukan.

5.1 Bidangkuasa dan Peranan Masjid

Masjid berasal dari perkataan *sajada* yang bermaksud tempat sujud. Secara teknikalnya sujud (*sujĒdun*) adalah seperti meletakkan dahi di atas tanah. Secara maknawinya, jika kepada Tuhan sujud mengandungi erti menyembah, jika kepada selain Tuhan, sujud mengandungi erti hormat kepada sesuatu yang dipandang besar atau agung. Sedangkan sajadah daripada kata sajjadatun bermakna tempat yang banyak dipergunakan untuk sujud. Kemudian ia menjurus menjadi selebar kain, karpet atau sejadah yang dibuat khusus untuk menjadi alas menunaikan solat. Adapun masjid (*masjidun*) mempunyai dua erti, erti umum dan erti khusus. Masjid dalam erti umum adalah semua tempat yang digunakan untuk sujud, oleh kerana Nabi s.a.w. pernah mengatakan, ‘Tuhan menjadikan bumi ini sebagai masjid’. Sedangkan masjid dalam pengertian khusus adalah tempat atau bangunan yang dibangunkan khusus untuk menjalankan ibadah, terutama solat berjemaah. (Al-Dawamy, 2008)

Dalam sejarah umat Islam sesungguhnya mempunyai hubungan yang sangat rapat dan dekat masjid. Islam tidak menghadkan risalah masjid hanya untuk menunaikan solat lima waktu dan ibadat khusus yang lain. Rasulullah S.A.W mahukan masjid memainkan peranan yang positif dan dinamik di atas suatu matlamat yang suci iaitu memberi khidmat kepada masyarakat Islam khususnya dan masyarakat bukan Islam amnya. Secara konsepnya, masjid juga disebut sebagai Rumah Allah (*Baitullah*) atau bahkan rumah masyarakat (*bait al-jamik*). Secara konsepsional dapat dilihat dalam sejarah bahawa masjid pada zaman Rasulullah s.a.w. memiliki banyak fungsi antaranya:

1. Tempat ibadah solat
2. Tempat bermusyawarah
3. Tempat pengaduan masyarakat dalam menuntut keadilan
4. Tempat pertemuan usahawan dan bermulanya operasi perniagaan

Rasulullah S.A.W membina masjid merupakan salah satu langkah langkah strategi untuk membangunkan masyarakat Islam di Madinah. Tujuh langkah strategi dalam membangunkan masyarakat Madani di Madinah ialah (Al-Dawamy, 2008):

1. Mendirikan masjid
2. Mengikat persaudaraan dalam komuniti muslim
3. Mengikat perjanjian dengan masyarakat bukan muslim
4. Membangun system politik syura
5. Meletakkan sistem dasar ekonomi
6. Membangunkan keteladanan pada elit masyarakat
7. Menjadikan ajaran Islam sebagai sistem nilai dalam masyarakat Islam

Pada saat dan ketika Rasulullah S.A.W mendirikan masjid di Madinah, pembinaan masjid ini bukan sahaja bertujuan untuk mendirikan solat bahkan sebagai pusat mobilisasi masyarakat bagi mewujudkan masyarakat madani di Madinah (Ibrahim, 1996). Tradisi membina masjid pelbagai fungsi ini banyak mendatangkan manfaat kepada masyarakat. Matlamat utamanya ialah untuk membentuk masyarakat ke arah kesempurnaan dari segi individu, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Selain itu, masjid ialah tempat meraih ilmu pengetahuan. Masjid juga menjadi tempat bantuan kewangan, bantuan pengisian rohani dan fizikal.

6.0 KESIMPULAN

Sesungguhnya masjid mempunyai potensi yang tinggi dalam membentuk syahsiah masyarakat Islam dan menjadi menjadi masyarakat yang benar-benar berkualiti sekiranya mengikut seperti mana peranan dan fungsi masjid pada zaman Rasulullah S.A.W. Masjid seharusnya dijadikan mahupun diangkat menjadi sebuah entiti hisbah bagi memperkemaskan proses amal makruf nahi mungkar, selaras dengan tuntutan Islam supaya dengan adanya insitusi masjid seperti ini akan melahirkan masyarakat Islam yang baik syahsiahnya.

Rujukan

Al-Quran.

Zaidan, A. K. (1987). *Usul Ad-Dakwah*. Baghdad: Maktabah Al-Quds.

Abdullah, A. (2010). Harking back to hisbah. *Accountants Today*, 12-14. Retrieved from <http://www.mia.org.my/at/at/2010/04/04.pdf>.

Al-Dawamy, A. R. (2008). *Falsafah Dan Fungsi Masjid Dalam Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Al-Mawardi, Abu al-Hassan Ali Bin Muhammad bin Habib (1990). *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah wa al-wilayah al diniyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Arabi.

Ibrahim, H. (1996). *Tarikh al-Islam*. Beirut: Darul Jalil.

Al-Ghazali, A. H. M. (1988). *Amar ma'ruf nahi mungkar*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Ameen.

Dakir, J. (2008). *Dasar dan kaedah pembentukan masyarakat Islam menurut perspektif al-sunnah*. Selangor: International Law Book Services.

Othman, M. S. A. (2003). *Institusi pentadbiran undang-undang & kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Mokhtar, S. A. (2003). *Peranan masjid dalam Islam*. Selangor: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Syed Ismail, S. H. (2013, Oktober 5). *Integriti amalan murni tuntutan Islam*. Berita Harian.

Mamat, Z. (2010), Institusi hisbah dan peranannya dalam mengawal kegiatan ekonomi negara Islam. *Jurnal Mualamat*, 3, 113-138. Retrieved from <http://e-muamalat.islam.gov.my/>.